

**ACHTUNG, ACHSO,  
VIEL SPASS !!!  
KEMBARA SUKA DUKA DI JERMAN**



# **ACHTUNG, ACHSO, VIEL SPASS !!! KEMBARA SUKA DUKA DI JERMAN**

*Mohamad Rizza Othman  
Mardhiyah Mat Hussin*

Penerbit  
Universiti Malaysia Pahang

Hakcipta © Universiti Malaysia Pahang, 2020

Cetakan Pertama, Februari 2020

Hakcipta adalah terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula,  
disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain,  
sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan  
sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti  
Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak,  
26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Reka Letak dan Reka Kulit  
oleh Shahrin Ezzat

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Mohamad Rizza Othman

Achting, Achso, Viel Spass !!! : Kembara Suka Duka di Jerman /  
Mohamad Rizza Othman, Mardhiyah Mat Hussin.

ISBN 978-967-2226-60-4

1. Travel--Anecdotes.
  2. Travel writing.
  3. Travelers' writings, Malaysian.
  4. Mohamad Rizza Othman--Anecdotes.
  5. Mardhiyah Mat Hussin--Anecdotes.
  6. Government publications--Malaysia.
- I. Mardhiyah Mat Hussin. II. Title.

910.4

Diterbitkan Oleh:

**Penerbit**

Universiti Malaysia Pahang  
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang  
Kuantan, Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-549 3273 Faks: 09-549 3218

Urus Cetak:

**PNC Printing**

No 2, Tingkat Bawah, Taman Peramu Makmur,  
Peramu, 26600 Pekan. Pahang Darul Makmur.  
Tel: 09 - 452 2342 / 09 - 843 7071

## PRAKATA 1

Saya mengucapkan tahniah kepada pasangan muda Dr-Ing. Mohamad Rizza Othman dan Puan Mardhiyah Mat Hussin yang menulis travelog ‘Achtung, Achso, Viel Spass !!! Kembara Suka Duka di Jerman’. Penulisan ini baik untuk dijadikan panduan kepada pasangan muda yang bakal merantau ke negara asing untuk tujuan menuntut ilmu atau menjalankan tugas.

Kehidupan di luar negara tidak semuanya indah seperti yang sering dibayangkan. Banyak cabaran yang perlu dilalui dan hadapi terutamanya bagi yang sudah berkeluarga, mempunyai anak kecil dan berjauhan daripada ahli keluarga. Perbezaan cuaca, budaya, bahasa dan alam sekeliling memerlukan kepada penyediaan minda dan fizikal untuk adaptasi.

Pasangan penulis ini berjaya menunjukkan betapa pentingnya kita sentiasa bersangka baik terhadap ketentuan Allah SWT dan bersifat positif dalam menghadapi apa jua situasi dan cabaran yang mendepani kita. Setiap kejadian dan peristiwa dapat dikaitkan dengan hikmah dan diambil pengajaran disebalik ianya berlaku. Itulah sunnah kehidupan.

Sesungguhnya menuntut ilmu itu memerlukan kepada keikhlasan, kesungguhan dan pengorbanan yang bukan sedikit dan bukan sahaja pada diri pelajar tetapi juga ahli keluarga.

Semoga travelog ini bermanfaat kepada pada pembaca terutama pasangan muda dalam mengharungi kehidupan. Semoga ianya juga menjadi khazanah warisan yang amat berharga buat anak-anak mereka yang bersama dalam pengembalaan kehidupan ini.

*Datin Paduka Che Asmah Ibrahim  
Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara*

## PRAKATA 2

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pasangan muda penulis yang berjaya merakamkan kisah hidup mereka sekeluarga di perantauan dalam penulisan sebuah buku yang santai dan menghiburkan. Pembaca dibawa untuk turut serta dari awal pengembaraan mereka berempat ke negara Jerman pada tahun 2008, sehinggalah kembali ke tanah air (berenam pula) tiga tahun selepas itu. Apa yang menarik, kedua suami isteri, Ummi dan Abi ini menulis pengalaman harian menurut perspektif masing-masing dan mengisi setiap bab dalam buku ini secara bebas dengan gaya tersendiri. Penceritaan dan pengkisahan sebegini berkesan untuk berkongsi pengalaman dengan orang lain. Ditambah pula dengan gambar-gambar yang diambil sebagai kenang-kenangan, membawa pembaca untuk turut sama mengembara ke Berlin. Interaksi dengan masyarakat sekitar yang berlainan bahasa, budaya, agama dan tradisi pastinya mampu mematangkan kedua penulis perihal sudut pandang dan tasawwur terhadap kehidupan. Benarlah pepatah Melayu yang mengatakan '*Jauh perjalanan, luaslah pandangan.*'

Segulung ijazah kedoktoran sekalipun tanpa majlis konvokesyen yang gilang gemilang menjadi bukti yang melambangkan pengorbanan sebuah keluarga muda. Kejayaan setiap pelajar PhD dalam menyelesaikan tesis kajian mereka, sememangnya bukan milik peribadi mereka sendiri. Pasangan hidup dan anak-anak jelas

memainkan kedua-dua peranan: sebagai sumber ilham dan motivasi ataupun cabaran yang menguji daya kesabaran dan ketahanan. Sungguh wajar sekiranya ucapan syabas diucapkan kepada pasangan hidup dan anak-anak calon PhD yang telah berjaya dalam usaha mereka. Tanpa sokongan dan dorongan mereka, pasti sukar untuk meneruskan sebuah perjalanan akademik yang panjang.

Sebenarnya, penulisan buku ini adalah satu dokumentasi sejarah bagi keluarga muda kedua penulis. Pengalaman unik yang dilalui akan hilang pudar dari lubuk ingatan sekiranya tidak dinukilkkan dalam bentuk penulisan sebegini. Semoga pembaca khususnya mereka yang juga akan mengembara menuntut ilmu atau bertugas di luar negara membawa bersama keluarga memperoleh manfaat yang banyak daripada pengalaman yang telah dicatatkan dalam buku ini. Saya berharap kedua penulis tidak berhenti setakat di sini sahaja. Teruslah memupuk komitmen untuk menulis kerana sesungguhnya membaca itu jambatan ilmu.

*Prof Datuk Dr Harlina Halizah Siraj  
Pengarah Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan  
Malaysia*

## KANDUNGAN

Bermulanya Perjalanan Kami Ke Berlin	8
<i>The Good Values Learned In Berlin</i>	13
Cabaran Yang Menguji	19
<i>Adapting To The New World</i>	22
Hari Pertama Di Pejabat	25
Semesterticket	31
Mogok Dan Basikal Buruk	38
Mensa : Kantin Universiti	41
<i>Willkommen Spring!</i>	46
Kisah Si Pokok Pain	50
Catatan Perjalanan Pengiring Pemain Simpanan	53
<i>Happy 4th Birthday To Ahmad Mujahid!</i>	57
<i>Tomorrow Is Father's Day!</i>	61
Benarkah aku dalam kerugian?	64
<i>The Candle Light Lunch</i>	67
Khaulah Sofiyah, <i>The Winter Baby</i>	71
<i>My First PhD Paper - A Sweet One</i>	75
Kembara Dzikir dan Fikir ke Pulau Rügen	79
Perginya Seorang Marwa	84
Boleh Kita Jumpa Rabu Ini?	89
Persidangan Pertama di USA	96
Jejak Silam Di Köln	103
Kami Bahagia Menyambutmu	109

Tiada TV	113
Kisah Gigi	116
<i>Miniatur Wunderland</i>	120
Segenggam Tabah untuk Januari	126
Himmah Yang Tinggi	131
Keindahan dalam kedinginan	136
Seni Ukiran Ais di Berlin	150
Mencari Potensi Itu	154
Kasih di Hari Ibu	157
Mujahid Ramadan	160
Tauladan Dari Ayah	164
Erti 10 Minit Itu	168
Mujahid <i>Hausaufgaben</i>	172
Merpati Venice	177
Volkswagen	183
Mereka Dan Salji	187
Penyejuk Mata Ku...	191
Model Seorang Doktorandvater ( <i>Supervisor</i> )	198
Kami Sudah Pulang	203

# Bermulanya Perjalanan

## Kami Ke Berlin

Alhamdulillah, perjalanan kami ke Berlin berjalan lancar. Inilah permusafiran pertama kami sebagai satu keluarga. Jauh beribu batu dari negara tercinta, Malaysia. Lebih tepat lagi, 9,600 kilometer.

*Hand luggage* kami punyalah banyak, lebih istimewa satu bakul anyaman rotan yang dibeli di Kuantan untuk membawa susu dan botol anak-anak. Alhamdulillah, *everything was taken care off by MAS*. Kami duduk di barisan hadapan, bertiga berdekatan dengan tandas dan ruangan pramugari. Makanan sedap yang pelbagai, memang terlupa debaran bermusafir di negara orang. Pembuka selera sate dan buah-buahan serta diikuti empat pilihan hidangan utama. Jika anda berasa lapar pada bila-bila masa, minta sahaja dibuatkan *noodle* dengan telur. Anda boleh membuat pesanan seperti di kedai pula.

Bagaimana bermusafir jauh dengan anak kecil? Ya, Mujahid berusia tiga tahun lebih dan Muklis pula lapan bulan. Kami membawa mainan kesukaan mereka dan diceriakan lagi dengan hadiah permainan pemberian MAS untuk kedua-duanya. Mukhlis memang tidak duduk sangat di dalam *basinet* yang disediakan dan perlu dikendong rapat oleh Ummi. Syukur berjalan malam,